

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/09/18_24 (HQ)

LEBIH LAPAN JUTA PENGGUNA DOMESTIK TERIMA MANFAAT MELALUI PENINGKATAN ARAS PERLINDUNGAN BIL ELEKTRIK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyambut baik keputusan kerajaan dalam terus memperkukuhkan mekanisme perlindungan buat pengguna domestik elektrik dengan menaikkan aras perlindungan daripada 600kWj sebulan kepada 800kWj sebulan.

Melalui keputusan ini, kesemua pengguna domestik TNB dengan penggunaan 800kWj dan ke bawah sebulan akan dikecualikan daripada dikenakan caj Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (*Automatic Fuel Adjustment – AFA*), cukai jualan dan perkhidmatan sebanyak 8%, dan caj peruncitan sebanyak RM10 di dalam bil elektrik bulanan mereka.

Pengukuhan perlindungan tambahan ini akan berkuat kuasa bermula penggunaan elektrik September 2026 hingga 31 Disember 2026. Bagi penggunaan bulan September, jumlah pengurangan akan dikreditkan di dalam bil elektrik bulan Oktober.

Lebih Lapan Juta Pengguna Domestik Dilindungi

Peningkatan aras perlindungan ini memberi manfaat kepada lebih lapan juta atau sehingga 90% pengguna domestik TNB.

Ia bersamaan dengan tambahan hampir satu juta pengguna domestik berbanding aras sebelumnya.

Menerusi peningkatan aras ini, TNB dijangka akan menampung caj AFA dan caj peruncitan berjumlah sekitar RM120 juta hingga RM150 juta sepanjang tempoh perlindungan tambahan tersebut berkuat kuasa.

Kekalkan Amalan Kecekapan Tenaga

Langkah peningkatan aras ini diambil bagi mengurangkan impak penggunaan elektrik terhadap kos sara hidup pengguna. Selain itu, langkah tersebut turut memastikan rakyat kekal dilindungi daripada perubahan kadar AFA yang dipengaruhi ketidaktentuan pasaran kos bahan api global berikutan krisis di Asia Barat serta peningkatan penggunaan elektrik disebabkan oleh cuaca panas dan jerebu yang sedang melanda ketika ini.

Walau bagaimanapun, TNB ingin menasihati pengguna untuk terus mengekalkan amalan cekap tenaga, terutamanya ketika negara sedang turut berdepan dengan cabaran gelombang cuaca panas dan jerebu.

TNB menyarankan agar pengguna mengamalkan empat langkah praktikal bagi membantu mengawal penggunaan elektrik:

S.A. 2026/09/18_24 (HQ)

1. Pantau penggunaan - Guna aplikasi myTNB untuk pantau penggunaan elektrik secara bulanan dan harian (bagi pengguna meter pintar).
2. Amalkan kecekapan tenaga - Tetapkan penyaman udara antara 24°C hingga 26°C dan gunakan pemasa. Gunakan peralatan elektrik dengan penarafan kecekapan tenaga 4 atau 5 bintang.
3. Bertukar ke skim *Time of Use* (TOU) - Guna tenaga waktu luar puncak, iaitu antara 10 malam hingga 2 petang pada Isnin hingga Jumaat serta sepanjang hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum bagi menikmati kadar tarif yang lebih rendah.
4. Melabur dalam solar bumbung - Di bawah inisiatif Solar ATAP dan SuRIA Home, pengguna layak menerima rebat sehingga RM3,000 untuk sistem 5kWac dengan tempoh pulangan modal sekitar 8 tahun.

TNB Komited Membantu Rakyat

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad, menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Kementerian Kewangan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) serta Suruhanjaya Tenaga (ST) atas keprihatinan terhadap perkembangan semasa, khususnya dalam mengambil kira keperluan dan kepentingan rakyat.

“Sebagai syarikat utiliti nasional, keutamaan TNB adalah untuk memastikan rakyat terus menikmati bekalan elektrik yang selamat dan berdaya harap dalam tempoh yang mencabar ini. Pada masa yang sama, TNB akan terus memainkan peranan secara proaktif untuk membantu pengguna mengurus penggunaan elektrik secara lebih cekap melalui akses kepada maklumat, teknologi dan pilihan penggunaan tenaga yang bersesuaian,” katanya.

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai bil elektrik, pasukan khidmat pelanggan kami bersedia untuk membantu anda. Rujuk portal www.mytnb.com.my/tariff atau hubungi pasukan kami melalui:

1. Talian 1300-88-5454 yang beroperasi dari 8.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari bekerja, dan dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hujung minggu dan cuti umum.
2. *Private Message* (PM) di Facebook TNB CareLine
3. *Direct Message* (DM) ke X @Tenaga_Nasional
4. E-mel kepada CareLine@mytnb.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.5GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 18 September 2026

Untuk pertanyaan media, boleh emel kami di: media@tnb.com.my

LEBIH 8 JUTA PENGGUNA DOMESTIK TERIMA MANFAAT

TNB menyambut baik keputusan kerajaan dalam terus memperkukuhkan mekanisme perlindungan buat pengguna domestik elektrik dengan menaikkan aras perlindungan daripada 600kWj sebulan kepada 800kWj sebulan.

ARAS PERLINDUNGAN DIPERTINGKAT

600 kWj
sebulan



800 kWj
sebulan

Berkuat kuasa mulai penggunaan September hingga Disember 2026



**LEBIH
8 JUTA**

pengguna domestik
dilindungi



**SEHINGGA
90%**

pengguna domestik
menerima manfaat



**HAMPIR
1 JUTA**

pengguna domestik tambahan
dilindungi berbanding ambang
sebelumnya

Penggunaan 800 kWj dan ke bawah dikecualikan daripada:



AFA

Pelarasan Kos Bahan
Api Secara Automatik



8%

Cukai Perkhidmatan



CAJ

PERUNCITAN



RM120 – RM150 juta

Menerusi peningkatan aras ini, TNB dijangka akan menampung caj AFA dan caj peruncitan berjumlah sekitar RM120 juta hingga RM150 juta sepanjang tempoh perlindungan tambahan tersebut berkuat kuasa.



Langkah ini membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup dan melindungi rakyat daripada ketidakpastian kos bahan api global berikutan krisis di Asia Barat.

